

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans kemalangan peribadi anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LLP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok dan bekerja di pejabat.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Protect All (PA) 110 Evo Plan 1?

PA110 Evo menyediakan pampasan, bayaran balik berkaitan perubatan dan penggantian pendapatan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan.

2 Kenali Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 324.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Pelan ini **melindungi**:

- (a) Kematian & Kehilangan Anggota Badan / Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – Sehingga **RM 50,000**, merujuk kepada jadual pampasan dalam kontrak tambahan
- (b) Bayaran Balik Perubatan – Sehingga **RM 5,000**
- (c) Pampasan Mingguan (sehingga 104 minggu)
 - untuk Hilang Upaya Keseluruhan Sementara – **RM 100**
 - untuk Hilang Upaya Separa Sementara – **RM 50**
- (d) Patah Tulang / Kelecuman – Sehingga **RM 8,000**
- (e) Pendapatan Hospital Harian (sehingga 180 hari) – **RM 50**
- (f) Bayaran Balik Manfaat Pakar Perubatan – Sehingga **RM 100**
- (g) Bayaran Balik Yuran Ambulan – Sehingga **RM 200**
- (h) Kematian (sebarang punca) – **RM 20,000**

Pelan ini **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dibayar.
- Pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau penentangan untuk menangkap.
- Pemusnahan diri sendiri atau sebarang cubaan ke arahnya, atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda hendaklah merujuk kepada polisi insurans untuk senarai penuh manfaat dan pengecualian. Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Tempoh perlindungan adalah 20 tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan peribadi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/protectall110evo>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kemalangan peribadi ini, anda mesti membayar premium sebanyak:			
Premium	RM 324.00 (tahunan)		
Tempoh: 20 tahun			
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:			
Komisen	25.17% daripada premium atau RM 489.24 selama 6 tahun		
	Tahun Polisi	% Premium	Amaun (RM)
	1	37.00%	119.88
	2	37.00%	119.88
	3	37.00%	119.88
	4	20.00%	64.80
	5	10.00%	32.40
	6	10.00%	32.40
	7 dan ke atas	Nil	Nil
	JUMLAH	25.17%	489.24
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.		

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Manfaat Pampasan Mingguan tamat pada usia 65 tahun.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin. Premium adalah berdasarkan risiko standard. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, menolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (Registration No. 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.